

PENGARUH PENDAPATAN KELUARGA TERHADAP MASALAH KEWANGAN PELAJAR

THE EFFECT OF FAMILY INCOME ON STUDENT FINANCIAL PROBLEMS

Hasimah Salleh¹

¹Politeknik Metro Betong, Sarawak (E-mail: hasimahs@pmb.s.edu.my)

Article history

Received date : 4-1-2024

Revised date : 5-1-2024

Accepted date : 27-2-2024

Published date : 15-3-2024

To cite this document:

Salleh, H. (2024). Pengaruh pendapatan keluarga terhadap masalah kewangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 7 (22), 1 - 6.

Abstrak: Prestasi kewangan pelajar baru-baru ini menjadi topik yang semakin diminati dalam kalangan penyelidik. Ini kerana pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang memberi kesan kepada kesejahteraan kognitif, emosi dan prestasi akademik mereka. Salah satu faktor yang perlu dilihat dalam menentukan prestasi kewangan pelajar adalah latar belakang kewangan pelajar. Justeru itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara latar belakang kewangan ibu bapa pelajar dengan masalah kewangan pelajar. Sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul data dan diedarkan secara rawak dalam talian. Sebanyak 147 responden dalam kalangan pelajar yang mengambil diploma telah menjawab soal selidik kajian. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan SPSS untuk mendapatkan statistik deskriptif. Daripada keputusan tersebut, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang kewangan ibu bapa pelajar dengan prestasi kewangan pelajar. Kajian ini menjelaskan pentingnya pengurusan kewangan yang betul dalam kalangan pelajar di samping merangka jenis bantuan bagi kumpulan pelajar yang terkesan akibat daripada ketidakmampuan keluarga pelajar.

Kata Kunci: Latar belakang kewangan, prestasi akademik, pelajar

Abstract: Student financial performance has recently become a topic of increasing interest among researchers. This is because students have financial problems that affect their cognitive and emotional well-being and academic performance. One of the factors that need to be seen in determining the financial performance of students is their financial background. Therefore, this study aims to identify the relationship between the financial background of students' parents and students' financial problems. The study sample is among the students of Polytechnic Metro Betong Sarawak. A questionnaire instrument was used to collect data and was randomly distributed online. 147 respondents among students taking diplomas have answered the research questionnaire. The collected data was analyzed using SPSS to obtain descriptive statistics. The results show no significant relationship between the financial background of students' parents and students' financial performance. This study explains the importance of proper financial management among students and formulating types of assistance for groups of students who are affected due to the inability of the student's families.

Keywords: Financial background, academic performance, students

Pengenalan

Banyak laporan mendedahkan pelajar sering terdedah kepada pelbagai masalah kewangan, bermula dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi (Bakar et al., 2019; Yahaya & Hayat Adnan, 2021). Masalah ini dianggap serius sehingga pelajar terpaksa berlapar dan mengikat perut dan boleh menjelaskan prestasi akademik mereka. Banyak faktor yang boleh menjadi menjelaskan prestasi kewangan pelajar. Antaranya ialah kecenderungan pelajar berbelanja untuk bergaya, selalu ingin membeli barang berjenama dan mahal, pengaruh rakan mereka untuk berbelanja, ingin mengikuti fesyen terkini dan sebagainya. Kajian yang dijalankan oleh Dicky et al. (2018) menunjukkan ramai yang cenderung untuk membelanjakan wang mereka seperti membeli pakaian mahal dan perkara lain semata-mata untuk meningkatkan harga diri mereka.

Selain itu, terdapat golongan pelajar yang tidak berkemampuan dan bergantung kepada bantuan kewangan atau pinjaman pelajaran. Mereka tidak mampu membeli buku atau tujuan lain kerana mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli buku ini dan sebahagian daripada mereka terpaksa meminjam dengan rakan mereka untuk belajar. Senario ini menimbulkan persoalan, adakah prestasi kewangan pelajar disebabkan oleh latar belakang keluarga pelajar? Ini kerana terdapat pandangan bahawa latar belakang keluarga juga memainkan peranan dalam menentukan prestasi akademik pelajar (Gobena, 2018), kemungkinan juga akan mempengaruhi prestasi kewangan pelajar. Sekiranya dilihat dari kajian Wahab et al. (2016), terdapat ibu bapa yang sanggup berkorban termasuk wang ringgit demi pendidikan anak mereka, justeru kemungkinan juga prestasi kewangan anak mereka tidak terjejas, dan pelajar hanya fokus kepada pembelajaran tanpa memikirkan soal kewangan. Justeru itu, berdasarkan kepada senario ini, objektif kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara latar belakang kewangan pelajar terhadap masalah kewangan pelajar. Kajian ini sangat penting bagi menilai semula jenis bantuan kewangan terhadap kumpulan pelajar B40 yang terkesan dengan situasi ekonomi semasa.

Kajian Literatur

Kewangan memainkan peranan penting dalam prestasi akademik pelajar. Masalah kewangan adalah isu serius yang perlu ditangani kerana ia membawa kepada pelbagai peringkat masalah seperti isu kesihatan dan prestasi akademik (Norazlan et al., 2020). Dang dan Bulus (2015) berpandangan pendidikan merupakan perkhidmatan sosial yang berkos tinggi, justeru, sokongan kewangan yang tidak mencukupi akan menjadi masalah kepada pelajar untuk meningkatkan diri dalam akademik sekali gus membawa kepada prestasi akademik yang lemah. Kajian yang dijalankan oleh Nano et al. (2021), mendapati pendapatan ibu bapa didapati mempengaruhi sikap anak-anak mereka terhadap isu wang. Pelajar dengan pendapatan ibu bapa yang rendah didapati menunjukkan sikap kewangan yang lebih baik berbanding dengan kategori lain. Penyelidikan ini mengesyorkan ibu bapa dan untuk mengajar pelajar secara proaktif tentang pintar wang. Ini kerana menurut kajian Mistry dan Elenbaas (2021) belia yang lebih bimbang tentang keperluan ekonomi keluarga mereka mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan berlakunya tekanan kewangan dalam kalangan pelajar kerana tidak dapat memenuhi keperluan mereka di kampus. Situasi ini dilihat selari dengan pandangan Davis & Mantler (2004) iaitu tekanan kewangan ialah perasaan subjektif dan tidak menyenangkan bahawa seseorang itu tidak dapat memenuhi tuntutan kewangan, mampu menanggung keperluan hidup, dan mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup.

Metodologi Kajian

Tinjauan soal selidik keratan rentas telah dijalankan dalam kalangan pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak (PMB) dari Januari hingga Februari 2023. Dua pemboleh ubah penting dalam kajian ini iaitu latar belakang kewangan pelajar dan prestasi kewangan pelajar. Latar belakang kewangan pelajar dinilai dari jumlah pendapatan bulanan ibu bapa pelajar. Manakala item prestasi kewangan pelajar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 adalah adaptasi dari kajian Rahim et al. (2020). Respon daripada pelajar akan diukur menggunakan 5 skala likat. Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26.0 digunakan untuk menjalankan analisis regresi. Analisis regresi ialah satu set kaedah statistik yang digunakan untuk menganggarkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar. Bagi menentukan sama ada hubungan adalah signifikan atau tidak, nilai adalah bergantung kepada nilai p , iaitu sekiranya nilai kurang daripada 0.5, hubungan adalah signifikan.

Hasil Kajian

Demografi pelajar

Seramai 147 responden dari kalangan pelajar Politeknik Metro Betong telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang terdiri daripada dua jabatan iaitu Jabatan Perdagangan (37.4%) dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (62.6%). Berdasarkan kepada dapatan dalam Jadual 1, majoriti pelajar bergantung kepada ibu bapa sebagai sumber kewangan mereka. Berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa pelajar, majoriti pendapatan adalah di bawah RM3000. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar adalah tergolong sebagai B40.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

		Item	n	%
Jantina		Lelaki	41	27.9
		Perempuan	106	72.1
Jabatan		JP	55	37.4
		JPH	92	62.6
Kediaman pelajar sepanjang pengajian		Bilik sewa	117	79.6
		Rumah keluarga	4	2.7
		Rumah sewa	26	17.7
Tahun pengajian		1 (sem 1 dan 2)	39	26.5
		2 (sem 3 dan 4)	69	46.9
		3 (sem 5 dan 6)	39	26.5
Sumber kewangan pelajar		Bekerja sendiri	3	2.0
		Biasiswa	9	6.1
		Ibu bapa	99	67.3
		Pinjaman pendidikan	36	24.5
Pendapatan ibu bapa		RM1000 ke bawah	47	32.0
		RM1001 - RM2000	55	37.4
		RM2001 - RM3000	20	13.6
		RM3001 - RM4000	9	6.1
		RM4001 - RM5000	7	4.8
		RM5001 - RM6000	5	3.4
		RM6001 - RM7000	1	0.7
		RM7001 - RM10000	3	2.0

Masalah Kewangan Pelajar

Jadual 2: Masalah Kewangan Pelajar Sepanjang Pengajian

No item	Item kajian	S.P	Skor Min	Tahap*
1	Bimbang kewangan tidak mencukupi untuk perbelanjaan asas di kampus	1.164	3.639	Sederhana
2	Bimbang berkenaan pembayaran yuran pengajian	1.301	2.884	Rendah
3	Memilih untuk tidak membeli keperluan pembelajaran disebabkan kos yang mahal	1.165	2.816	Rendah
4	Berfikir untuk bekerja untuk mencari pendapatan tambahan	1.206	3.442	Rendah
5	Berfikir untuk berhenti pengajian disebabkan kekurangan wang	1.335	2.327	Rendah
6	Tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli makanan di hujung semester	1.345	2.986	Rendah
7	Meminjam wang daripada kawan untuk membeli makanan	1.213	2.340	Rendah
8	Meminjam wang daripada kawan untuk membeli keperluan lain	1.175	2.054	Rendah
9	Selalu berlapar disebabkan wang tidak mencukupi membeli makanan	1.164	2.422	Rendah
10	Selalu meminta wang tambahan daripada keluarga	1.218	3.170	Sederhana
Purata			2.808	Rendah

* Tahap merujuk kepada Dicky e tal. (2019): 1.00– 1.99 (Lemah); 2.00– 2.99 (Rendah); 3.00– 3.99 (Sederhana); 4.00– 5.00 (Tinggi).

Jadual 4 menunjukkan tahap masalah kewangan pelajar Politeknik Betong Sarawak. Masalah utama pelajar adalah mereka bimbang kewangan tidak mencukupi untuk perbelanjaan asas di kampus (min=3.639), diikuti oleh keinginan untuk bekerja untuk mencari pendapatan tambahan (3.442) dan mereka selalu meminta wang tambahan daripada keluarga (min=3.170). namun begitu, secara keseluruhan masalah kewangan adalah pada tahap yang rendah.

Pengaruh Pendapatan Keluarga Terhadap Masalah Kewangan Pelajar

Jadual 3: Pengaruh Pendapatan Keluarga Terhadap Masalah Kewangan Pelajar

Pemboleh ubah bebas	Pemboleh ubah bersandar	β	S.P	nilai-t	Nilai-p	Keputusan
Pendapatan Ibu Bapa	Masalah Kewangan Sepanjang Pengajian	-0.038	0.048	-0.794	0.428	Tidak Signifikan

Sementara itu, berdasarkan kepada ringkasan hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3, menunjukkan bahawa pemboleh ubah Pendapatan Ibu Bapa tidak mempengaruhi Pemboleh ubah Masalah Kewangan Sepanjang Pengajian ($\beta = -0.038$, $p > 0.01$). Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa pendapatan ibu bapa yang rendah dalam kalangan pelajar bukan penyebab kepada masalah kewangan pelajar. Walaupun umumnya pendapatan ibu bapa dilihat

memberi kesan kepada kewangan pelajar, namun kemungkinan pelajar telah didik serba sedikit mengenai aspek kewangan sehingga pelajar tidak boros berbelanja dan hanya berbelanja mengikut keperluan. Di samping itu juga kemungkinan biasiswa yang diperolehi tidak dibazirkan ke tempat-tempat yang tidak perlu. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Clarke et al., (2005) Ibu bapa mengajar kanak-kanak untuk bertindak dengan bergantung kepada nilai, kepercayaan dan pengetahuan mereka (Clarke et al., 2005), yang membentuk sikap anak-anak mereka terhadap kewangan mereka serta tingkah laku mereka. Manakala menurut Pritchard dan Myers (1992) mendapati bahawa nilai kewangan para remaja dan ibu bapa mereka sangat serupa. Hal ini bermaksud, tingkah laku kewangan anak-anak mencerminkan tingkah laku ibubapa mereka. Jika ibubapa mempunyai pengurusan kewangan yang baik, maka anak mereka akan mencontohi mereka

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, penyelidik dapati bahawa Pendapatan Ibu Bapa tidak mempengaruhi Pemboleh ubah Masalah Kewangan Sepanjang Pengajian dan masalah kewangan pelajar PMBS adalah pada tahap yang rendah. Pelajar mungkin telah mendapat didikan daripada ibu bapa dan nasihat supaya berhemah dalam perbelanjaan, ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Hussin & Rosli (2019), mendapati ibubapa responden sering memberi nasihat berkaitan kewangan seperti simpanan, hutang dan perbelanjaan. Selain daripada itu, pendidikan kewangan iaitu Kursus Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk semua pelajar PMBS sedikit sebanyak memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar dalam pengurusan kewangan mereka. Taklimat kewangan dengan kerjasama bank-bank tempatan juga memberi impak yang positif kepada pelajar dalam pengurusan kewangan mereka. Ini sama seperti hasil kajian yang dijalankan oleh Wachira & Kihiu (2012) mendapati bahawa tahap pendidikan kewangan mempengaruhi serta mempunyai hubungan yang positif dengan literasi kewangan. Ini disokong oleh kajian daripada Hogarth (2002) menyatakan bahawa dengan adanya pendidikan kewangan yang berkualiti, orang ramai dijangka akan mempunyai kefahaman dan literasi kewangan yang lebih baik. Justeru itu, mereka lebih cenderung dalam membuat keputusan yang bijak dan mempunyai pengurusan kewangan yang lebih efektif. Kajian ini menjelaskan pentingnya pengurusan kewangan yang betul dalam kalangan pelajar di samping merangka jenis bantuan bagi kumpulan pelajar yang terkesan akibat daripada ketidakmampuan keluarga pelajar. Justeru beberapa perkara boleh dicadangkan kepada pihak pengurusan PMBS, antaranya ialah meningkatkan lagi seminar kewangan, mengadakan Kursus pengurusan kewangan kepada pelajar PMBS dan memberi bantuan kewangan yang berkaitan kepada pelajar yang sangat memerlukan

Rujukan

- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2).
- Clarke, M. C. (2005). The Acquisition of Family Financial Roles and Responsibilities. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 33(4), 321–34.
- Dang, E. I., & Bulus, E. J. (2015). The impact of finance on the academic performance of secondary school students in Akwanga Local Government of Nassarawa State, Nigeria. *Journal of Social Sciences and Public Policy*, 7(2), 44-54.
- Davis, C. G., & Mantler, J. (2004). The Consequences of Financial Stress for Individuals, Families, and Society[online].https://www.researchgate.net/publication/229052873_The_Consequences_of_Financial_Stress_for_Individuals_Families_and_Society [8 February 2020].
- Dicky, W., Hainnur, A. R., Salmy, E. Y., & Hairunnizam, W. (2018). The relationship between self-esteem, intention to increase debt and debt spending behaviour of low-income people. *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 188-200.
- Gobena, G. A. (2018). Family socio-economic status effect on students' academic achievement at college of education and behavioral sciences, Haramaya University, Eastern Ethiopia. *Journal of Teacher Education and Educators*, 7(3), 207-222.
- Hogarth, J. M., & Hilgert, M. A. (2002). Financial Knowledge, Experience, and Learning Preferences: Preliminary Results from a New Survey on Financial Literacy. *Proceedings of the American Council on Consumer Interests 2002 Annual Conference*, 48,1–7
- Hussin, N. L., & Rosli, L. S. (2019). Literasi kewangan dalam kalangan pelajar di Kuim. *Journal of Business Innovation*, 4(1), 102.
- Nano, D., Llukani, T., & Polo, A. (2015). The Impact of Family Income on Students Financial Attitude. *European Journal of Economics and Business Studies*. September-December 2015. Volume 1, Issue 3
- Norazlan, N., Yusuf, S., & Mohamed Hamoud Al-Majdhoub, F. A. T. I. M. A. (2020). The financial problems and academic performance among public university students in Malaysia. *The Asian Journal of Professional and Business Studies*, 2(2).
- Pritchard, M. E., & Myers, B. K. (1992). Consumer education: A partnership between schools and families. *Journal of Consumer Education*, 10, 38 – 43
- Rahim, H. A., Seng, N. D., Toto Ngadiman, D. W., & Ismail, N. A. (2020). The Debt Management Patterns of Educational Loan Recipients Among Polytechnic Students in Kota Kinabalu, Sabah: An Empirical Study. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 5 (28), 49 – 57.
- Wahab, N. A., Mustapha, R., & Talib, J. A. (2016). Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang (Developing the Orang Asli human capital: A case study on the roles and determination of educational goals among Orang Asli parents in Kuantan, Pahang). *Geografia*, 12(3).
- Wachira, M. I., & Kihiu, E. N. (2012). Impact of financial literacy on access to financial services in Kenya. *International Journal of Business and Social Science*, 3(19).
- Yahaya, M., & Hayat Adnan, W. (2021). Cabaran pelajar melalui kaedah pembelajaran atas talian: kajian institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)*, 14, 11-20.